

Johor mula dilanda banjir

BATU PAHAT – Johor menjadi negeri pertama dilanda banjir ketika negara memasuki musim tengkujuh apabila 91 orang daripada 27 keluarga dari beberapa buah kampung di sini dipindahkan ke pusat pemindahan sejak malam kelmarin.

Mangsa terbabit dari Kampung Parit Gantong, Parit Tegak dan Jalan Muar berpindah ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Tiga Serangkai, Parit Sulong di sini selepas rumah mereka dinaiki air kira-kira 0.5 meter.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan negeri, Dr. Robia Kosai berkata, ke-

semua mangsa tersebut mula dipindahkan pada pukul 10 malam dan setakat ini hanya sebuah pusat pemindahan banjir dibuka di kawasan terlibat.

Katanya, kawasan tersebut dilanda banjir selepas hujan lebat sejak beberapa hari lalu dan tidak menolak kemungkinan lebih ramai mangsa akan dipindahkan jika hujan berterusan dalam tempoh terdekat ini.

Sementara itu, Robia berkata, kerajaan negeri telah mengenal pasti 638 tempat untuk dijadikan pusat pemindahan di seluruh Johor yang mampu menampung sehingga 170,861 orang bagi menghadapi banjir pada musim tengkujuh ini.



TIGA penduduk meredah banjir di kawasan rumah mereka di Kampung Parit Gantong, Parit Sulong, Batu Pahat semalam.